

SOALAN NO. 36**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran terperinci jumlah kos penginapan dan jumlah bilik yang ditempah mengikut pecahan kategori berlainan di Trump International Hotel, Washington D.C. oleh delegasi Perdana Menteri semasa lawatan rasmi ke Amerika Syarikat dari 11 hingga 13 September 2017.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan lawatan rasmi ke Washington DC, Amerika Syarikat yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 9 hingga 16 September 2017 adalah berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) Kemudahan Elaun dan Keistimewaan bagi YAB Perdana Menteri.

Perbelanjaan tersebut adalah meliputi perbelanjaan penerbangan, penginapan, pengangkutan, elaun makan, dobi, telefon dan lain-lain. Perbelanjaan YAB PM dan ahli rombongan adalah mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.